

15 APR 1997

Mesir-pelabur

MESIR PELAWA PELABUR MALAYSIA CEBURI INDUSTRI KAPAS

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Mesir mempelawa pelabur Malaysia untuk menyertai sekurang-kurangnya empat projek usaha sama secara besar-besaran termasuk dalam industri kapas untuk merebut peluang daripada dasar terbuka negara Lembah Nil itu untuk meningkatkan pelaburan asing.

Perdana Menteri Mesir, Dr Kamal Ahmed El Ganzoury berkata pelabur Malaysia dialu-alukan ke kompleks industri berasaskan pertanian di Terusan Lembah Baru bagi mengusahakan tanaman kapas di kawasan seluas 25,000 hektar.

Bercakap di sidang berita di akhir lawatan rasmi dua hari ke sini, beliau berkata tekstil dan pakaian yang dikeluarkan di sana adalah khusus untuk pasaran eksport.

Menurutnya, projek itu akan dimulakan secepat mungkin kerana kapas dapat ditanam tahun ini memandangkan adanya bekalan air yang mencukupi dari Sungai Nil dan sumber lain serta iklim yang sesuai.

Dr Kamal berkata Mesir juga memerlukan penglibatan Malaysia untuk meningkatkan keupayaan limbungan kapalnya di Iskandariah, satu industri yang penting bagi negara Lembah Nil itu.

Satu lagi ialah industri berteknologi tinggi di Bandaraya Ismailia.

Katanya, pelabur Malaysia juga digalakkan untuk membina kilang penapis minyak sawit bagi penggunaan domestik Mesir yang berhasrat untuk mengurangkan import minyak manja berjumlah AS\$500 juta setahun.

Selain itu, katanya, terdapat beberapa projek lain yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan oleh ahli perniagaan kedua-dua negara sama ada menempatkannya di Malaysia atau Mesir.

Dr Kamal memberi jaminan syarikat-syarikat Malaysia akan diberi keutamaan kerana "Mesir menganggap Malaysia bukan sahaja sebagai rakan tetapi lebih sebagai saudara."

Menurutnya kerajaan Mesir telah meminda 53 undang-undang bagi memastikan kemasukan pelaburan asing menjadi mudah, terjamin dan menguntungkan.

Beliau menyifatkan perbincangannya dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam sebagai sesuatu yang membina dan penuh mesra.

Katanya, setelah lima perjanjian persefahaman (MoU) ditandatangani semalam, tindakan susulan akan dipergiatkan bagi memastikan segalanya berjalan seperti yang dirancang termasuk membentuk sebuah jawatankuasa bersama.

Sebelum itu Dr Kamal menandatangani perjanjian persefahaman kerjasama dengan Dr Mahathir untuk mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan dan ekonomi dengan Malaysia.

Dengan MoU itu, Malaysia dan Mesir akan mengenal pasti bidang-bidang kerjasama dan projek tertentu dan aliran pelaburan antara kedua-dua negara dan pelaburan dan perdagangan melalui negara ketiga.

Menurut Setiausaha Rendah bagi Asia Barat, Afrika dan Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) di Wisma Putra, Datuk Deva Mohd Ridzam, termeterainya MoU oleh kedua-dua pemimpin itu mencerminkan pentingnya perbincangan antara kedua-dua kerajaan dan susulan interaksi antara pihak swasta kedua-dua negara.

Terdahulu, Dr Mahathir mengunjungi Dr Kamal untuk mengucapkan selamat jalan. Perdana Menteri Mesir itu kemudiannya berlepas ke Singapura.

Semasa lawatan itu tiga MoU lain ditandatangani antara kedua-dua negara yang antara lainnya mengenai mengelakkan cukai berganda, jaminan pelaburan,

pengangkutan udara, perdagangan dan pelancongan.

Semalam, Dr Kamal mengunjungi Dr Mahathir di pejabatnya dan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara. -- BERNAMA

ZAB RAZ WAT OBA